



PELUKAN erat dua pemimpin yang bersara dan yang mengganti antara Datuk Hussein Onn dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengandungi seribu makna, sedih berpisah dan terima kasih atas bimbingan dari Presiden baru dan penuh keyakinan dan tahniah dari Presiden bersara.— Gambar Berita Harian.

Perpisahan dalam kemesraan

KUALA LUMPUR. Ahad.— Suasana penutup Persidangan Agung UMNO diselubungi perasaan sedih dan pilu apabila perwakilan berpelukan dengan Datuk Hussein Onn sambil mengucapkan "Selamat bersara."

Mulanya Datuk Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir berpelukan dengan air mata berlinangan.

Selepas itu Datuk Musa Hitam pula juga diiringi dengan cucuran air mata.

Ini diikuti oleh pemimpin-pemimpin lain termasuk Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Datuk Seri Shariff Ahmad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, Ketua Menteri Melaka, Encik Mohd Adib Adam, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim dan Datin Paduka Zaleha Ismail.

Perwakilan kemudian berbaris di kiri kanan yang dilalui oleh Datuk Hussein.

Suasana sedih itu bermula bila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Presiden UMNO yang baru merakamkan penghargaan tinggi kepada Datuk Hussein atas khidmatnya kepada parti dan negara.

Perwakilan di dewan senyap sunyi mendengar ucapan penghargaan itu. Datuk Seri Dr.

Mahathir sendiri berucap dengan suaranya tersekat-sekat menahan perasaan sedih dan pilu.

Suasana sedih menular ke bilik rehat jamuan teh bila Datuk Hussein Onn berpeluk-peluk dengan Pengerusi Tetap UMNO, Senator Datuk Sulaiman Ninam Shah dan perwakilan yang lain.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri .
No. Per .